

BAB III

PERATURAN AM DAN ACARA

Peraturan perjalanan mahkamah secara amnya berpandu kepada 'Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Perak (1965)' adalah seperti berikut:

Mahkamah Kadi ada mempunyai mohor tersendiri. Surat panggilan yang dikeluarkan oleh mahkamah itu mestilah mengandungi mohor dan tandatangan Ketua Pegawai Mahkamah.¹

Bahasa yang digunakan dalam mahkamah ialah Bahasa Melayu. Segala surat-surat atau perbincaraan bertulis bolehlah ditulis atau ditaip jawi atau jawi. Tiap-tiap mahkamah hendaklah menyimpan peringatan yang cukup dan betul di atas segala perbincaraan dan juga segala hal kewangan.²

Pegum syariah boleh mengambil bahagian dalam mana-mana mahkamah bagi satu pihak dalam perbincaraan. Majlis hendaklah menyediakan daftar nama pada tiap-tiap tahun bagi orang yang didapati layak dan berkemahiran dalam hukum syarak supaya boleh menjadi pembela dalam mahkamah. Orang ini dikenali sebagai Pegum Syariah dan hendaklah mendapat lesen dari Majlis sebelum hadir di mahkamah.³

-
1. Seksyen 49.
 2. Seksyen 50.
 3. Seksyen 51.

Di dalam mana-mana perbicaraan samada perkara jenayah atau mal hendaklah tiap-tiap pihak ataupun orang yang kena tuduh hadir sendiri dan mereka ini bolehlah menggunakan peguam syariah.⁴

Surat panggilan mahkamah hendaklah dihantar oleh pegawai mahkamah atau orang lain yang dikuasakan oleh mahkamah itu dan boleh dihantarkan dimana-mana tempat di dalam negeri pada bila-bila masa. Di dalam perkara jenayah atau mal surat panggilan hendaklah dihantar kepada orang itu sendiri.⁵

Perjanjian tirai-balik dengan negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor adalah berjalan kuatkuasanya iaitu jika ada surat panggilan mahkamah kepada mana-mana orang supaya menghadirkan diri dihadapan mana-mana mahkamah syariah dalam negeri-negeri tersebut dan orang itu dipercayai duduk dalam negeri Perak. Kadi Besar atau Kadi boleh bertindak mengikut syarat-syarat undang-undang ini.⁶

Mengenai keterangan, mahkamah hendaklah mengikut segala peraturan hukum syarak yang berkenaan dengan bilangan, taraf, dan rupa pendirian yang dikehendaki bagi menerangkan sesuatu perkara. Segala keterangan hendaklah pada lazimnya dibuat dengan sumpah yang dipakai dan dibuat oleh orang-orang

4. Seksyen 52.

5. Seksyen 53.

6. Seksyen 54.

Islam tetapi dengan alasan yang khas atas perkara yang tertentu, mahkamah bolehlah meninggalkan sumpah dan mengambil keterangan dengan pengakuan.

Pengakuan hendaklah dibuat seperti ini;

"Bahawa saya(nama) dengan sesungguhnya dengan suci hati mengaku segala perkara yang hendak saya sebut di dalam bicara ini semuanya benar. Tidaklah apa-apa yang tidak benar melainkan benar belaka".⁷

Tertaaluk kepada mana undang-undang yang lain, mahkamah boleh mengeluarkan saman kepada sesiapa untuk memberi keterangan. Tiap-tiap saman semacam itu hendaklah diserahkan kepada orang itu sendiri. Mahkamah itu boleh sebelum mengeluarkan, membayar belanja tambang dan sara hidup yang berpatutan kepada mana-mana saksi jika ia tinggal lima batu atau lebih jauhnya dari mahkamah itu.⁸

Mahkamah itu boleh dengan alasan yang munasabah menangguhkan perbicaraan daripada satu masa dan dari setempat ke setempat.⁹

Tiap-tiap perbicaraan hendaklah terbuka kepada orang ramai, dengan syarat mana mahkamah itu boleh mengeluarkan perintah iaitu semuanya atau sebahagian daripada perbicaraan itu boleh dijalankan di dalam mahkamah yang tertutup. Jika mahkamah itu puashati iaitu perbuatan yang demikian patut dan boleh mendapat keadilan.¹⁰

7. Seksyen 55.

8. Seksyen 56.

9. Seksyen 57.

10. Seksyen 59.

Peraturan Perbicaraan Mal

Semua perbicaraan dalam mahkamah Kadi diadakan setelah ada pengaduan bertulis atau lisan dari pihak menuntut, dan setelah belanja tertentu dibayar, jika pengaduan lisan dibuat, Pengetua Mahkamah akan mencatat aduan itu dan menandatangani. Tuntutan itu mengandungi nama, alamat pihak-pihak, alasan tuntutan, pemulihan dan keputusan yang dikehendaki.¹¹

Lebih dari seorang boleh dicantumkan menjadi pihak menuntut atau pihak kena tuntutan dan juga sebab dalam pengaduan dalam satu perbicaraan. Tetapi mahkamah boleh mengasingkan jika dikehendaki. Mahkamah juga boleh mengadakan satu perbicaraan bagi dua atau perbicaraan yang berbangkit dari fakta dan undang-undang yang sama.¹²

Selain dari salinan tuntutan yang asal maka hendaklah pihak menuntut menyerahkan kepada mahkamah sekeping salinan bagi tiap-tiap orang yang kena tuntutan.¹³

Saman dan salinan tuntutan akan diserahkan oleh mahkamah kepada pihak kena tuntutan yang memerintahkan yang kena tuntutan hadir di tempat, hari

11. Seksyen 77(1)(2).

12. Seksyen 78.

13. Seksyen 79.

dan waktu yang ditentukan bagi menjawab tuntutan. Mahkamah akan memberi keputusan kepada pihak menuntut jika pihak yang kena tuntutan gagal hadir.

Seseorang tidak boleh menuntut atau menjalankan harta si mati, kecuali telah dilantik mengikut undang-undang sebagai penguasa atau wasi dalam wasiat yang sah. Dengan syarat waris boleh menuntut bahagiannya dari harta pusaka dari pemegang yang tidak sah.¹⁴

Jika pihak dalam perbicaraan itu belum baligh dan tak sempurna akal, mahkamah akan melantik orang yang layak yang tidak mempunyai kepentingan yang berlawanan bagi mewakilinya dalam perbicaraan.

Pihak kena tuntutan boleh menyerahkan pembelaan bertulis dan hendaklah disampaikan kepada mahkamah jika tiada pembelaan bertulis tetapi ia ingin menjawab tuntutan itu, mahkamah boleh menyelidiki dengan lisan akan alasan yang mustahak. Pembelaan hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh hari sebelum bicara sebagaimana yang lazim diberikan oleh mahkamah. Pihak kena tuntutan juga boleh membawa tuntutan balas.¹⁵

Mahkamah boleh memberi perintah sementara bagi menyelamatkan harta atau hak-hak yang berbangkit dalam perbicaraan jika ada pihak-pihak yang memohon dengan lisan.¹⁶

14. Seksyen 80.

15. Seksyen 81.

16. Seksyen 82.

Pihak menuntut boleh menarik balik perbicaraan sebelum hukuman dijatuhkan tetapi dengan syarat ia kena bayar belanja perbicaraan. Pihak-pihak dalam perbicaraan boleh membuat penyelesaian pada bila-bila masa saja. Tetapi wakil amanah harta tidak boleh menarik balik perbicaraan atau membuat penyelesaian tanpa kebenaran mahkamah.¹⁷

Jika pihak menuntut tidak hadir pada hari perbicaraan, perbicaraan boleh dibuang. Jika pihak menuntut hadir tapi yang kena tuntutan tidak hadir yang menuntut boleh menerangkan tuntutannya dan mahkamah boleh menjatuhkan hukuman tetapi mahkamah boleh menangguhkan atau boleh menjalankan perbicaraan atas tuntutan balasawalaupun tuntutan asal sudah dibuang. Jika pihak kena tuntutan hadir dan mengaku atas tuntutan itu, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman tanpa mengambil keterangan. Tiap-tiap pihak boleh memanggil saksi masing-masing. Setelah mengambil keterangan, mahkamah akan memberi keputusan dalam mahkamah yang terbuka pada masa itu atau pada masa lain.¹⁸

Tiap-tiap keputusan akan dituliskan berserta dengan tarikh, tandatangan Pengetua Mahkamah dan dibubuh cap dan disimpan di mahkamah.¹⁹

Sesiapa yang terikat kepada hukuman atau perintah mahkamah tapi tidak mengikutinya dalam masa yang munasabah, mahkamah atas permintaan pihak-pihak

17. Seksyen 83.

18. Seksyen 84.

19. Seksyen 85.

yang berkepentingan atau dengan sendirinya boleh menghantar salinan hukuman kepada mahkamah pengadil dan memohon mahkamah pengadil menjalankan hukuman itu, seolah-olah hukuman itu dikeluarkannya sendiri. Jika orang yang dijatuhkan hukuman berkenaan nafkah tanggungan enggan mengikut, mahkamah pengadil boleh memberi perintah dengan waran, dan memunggut wang nafkah seperti wang denda, atau menjatuhkan hukuman penjara bagi tiap-tiap bulan nafkah yang tidak dijelaskan. Jika wang itu melebihi lima ratus ia hendaklah diuruskan oleh mahkamah Session.

Mahkamah Kadi Besar berkuasa seperti mahkamah pengadil juga dalam menguatkuasakan hukuman. Mahkamah Kadi boleh memohon Mahkamah Kadi Besar bagi menggantikan mahkamah pengadil itu dalam menjalankan hukuman atau perintah yang dikehendaki.²⁰

Sekiranya keterangan lisan tak dapat diperolehi, mahkamah boleh menggunakan keterangan yang ditulis oleh saksi-saksi sebagai keterangan dalam perbicaraan.²¹

Mahkamah boleh memerintahkan supaya ditangkap dan ditahan sehingga selesai perbicaraan sesiapa yang berkelakuan biadap sehingga mengganggu perjalanan mahkamah, dan hal itu hendaklah dinyatakan kepada pendakwa raya atau Ketua Polis.²²

20. Seksyen 87.

21. Seksyen 88.

22. Seksyen 89.

Orang-orang miskin yang dapat kebenaran bertulis bolehlah mendakwa, membela, atau ulangbicara dengan kekecualiaan dari membayar belanja-belanja mahkamah.²³

Jika difikirkan perlu mahkamah boleh memakai amalan dan peraturan mahkamah rendah bagi hal yang tidak nyata dibawah peraturan Undang-undang ini.²⁴

Kadi Litar

Bermakna Kadi yang berpusing (beredar) dari satu daerah ke satu daerah. Ada dua orang Kadi Litar ini bagi negeri Perak, iaitu seorang bagi Perak Utara dan seorang bagi Perak Selatan. Kedua-duanya menjadi Ketua Mahkamah Kadi tapi bekerja di Ibu Pejabat Ipoh, dan apabila ada kes-kes yang hendak dibicarakan di mahkamah Kadi Daerah, barulah mereka pergi bertugas. Bagi daerah ini Kadi Litarnya ialah Kadi bagi Perak Selatan.

Kadi Daerah/wilayah

Seperti Kadi Besar dan Kadi Litar, Kadi Wilayah ini adalah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan selepas berunding dengan majlis, serta diberi surat tauliah.

23. Seksyen 90.

24. Seksyen 91.

Perlantikan kejawatan Kadi ini adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan kelulusan dalam hal-ehwal ugama Islam, juga satu peperiksaan bertulis bagi calon-calon Kadi dijalankan oleh jawatankuasa syariah mengenai perkara-perkara di atas. Setelah itu ada pula ujian lisan. Setelah lulus Kadi akan dapat tauliah dari Sultan Perak. Tugas utama Kadi Daerah ini ialah sebagai berikut:-

- (1) Ketua pejabat ugama daerah yang bertanggungjawab dalam soal pentadbiran dan keugamaan.
- (2) Menjadi pendaftar nikah cerai (seperti dibincangkan dalam bab II).
- (3) Mengetuai Naib Kadi, dan menasihatkan jawatankuasa masjid (seperti dibincangkan dalam bab IV).
- (4) Penyelia kutipan zakat (seperti yang dibincangkan dalam bab IV).

Kadi Daerah berfungsi dari segi pentadbiran saja. Fungsi kehakiman dijalankan oleh Kadi Litar.

Ulang Bicara

Sistem ulangbicara juga terdapat dalam mahkamah syariah. Semua kes-kes ulangbicara diserahkan kepada jawatankuasa ulangbicara. Fungsi jawatan-

kuasa ini adalah mendengar dan memberi keputusan ke atas mana-mana rayuan yang dibentangkan kepada jawatankuasa itu daripada mana-mana keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Kadi.

Ahli jawatankuasa ulangbicara terdiri dari tiga orang ahli. Salah seorang daripadanya ialah Mufti dan seorang Pengerusi tetap yang ada pengalaman dalam hal mahkamah dan dapat tauliah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan seorang lagi dipilih daripada sekumpulan seramai tujuh orang yang sekurang-kurangnya dilantik tiap-tiap tahun oleh Sultan.

Rayuan boleh dibuat kepada jawatankuasa ulangbicara seperti dalam bidangkuasa malnya oleh seorang yang tidak puashati dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Kadi atau Mahkamah Kadi Besar jika wang perkara yang dituntut itu tidak kurang daripada seratus ringgit atau oleh orang yang tiada puashati dengan keputusan yang bersabit dengan segala perkara yang mengenai taraf dirinya atau nafkah orang tanggungannya.

Dalam bidang jenayah seseorang yang telah didenda tidak kurang daripada dua puluh lima ringgit atau penjara. Semua rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh empat belas hari.